



Aktiviti 3.7

Beri pandangan anda tentang kes-kes berikut. Bincangkan bersama tutor anda untuk mengenal pasti kesahihan jawapan anda.

Senario 1

Saya sudah empat tahun mendirikan rumah tangga dan mempunyai dua cahaya mata. Masalahnya, suami saya kedekut dan suka mengharapkan duit gaji saya. Oleh kerana dia melihat gaji saya lebih daripada gajinya, dia menyuarakan hasrat supaya saya membantunya dalam perbelanjaan bulanan. Adakah dia mempunyai hak untuk meminta gaji saya?

Senario 2

Saya sudah tiga tahun mendirikan rumah tangga. Saya berusia 25 tahun dan jarak perbezaan usia antara suami dan saya adalah tujuh tahun. Dia kurang menjalankan tanggung jawab sebagai seorang suami, contohnya kurang memberikan perhatian kepada anak dan isteri serta sering memandang remeh mengenai hal rumah tangga. Suami saya amat malas bersolat. Sudah puas saya menasihatinya dengan pelbagai cara, namun tidak diendahkan juga. Apa yang perlu saya lakukan?
